# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 40 | RABU 4HB. OKTOBER, 1978. | 1398 رابو 2 ذوالقعدة | PERCHUMA


## D.Y.M.M. MENANDA-TANGANI PERJANJIAN KEMERDEKAAN BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Di-saat raayat Brunei sedang menjalani chuti awam kerana memperingati Hari Perlembagaan pada 29hb September lepas, perkembangan siasah Brunei di-chapai lagi dengan jaya-nya di-London dalam meninggikan lagi ke-daulatan-nya sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat dan merdeka dan bertanggong-jawab penoh dalam hal-ehwal antara bangsa.

Permulaan menanda-tangani perjanjian ka-arah itu antara Kerajaan Brunei dan Kerajaan British yang membuat penetapan tahun 1983 Brunei merdeka dan berdaulat keluar dan kedalam telah berlangsong dalam satu upachara di-Pejabat Luar British di-London.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mula menurunkan tanda-tangan Baginda ka-lembaran perjanjian itu pada awal pagi waktu di-Brunei, di-sa'at umat Islam negeri ini bersedia2 hendak menunaikan sembahyang fardhu Suboh, pada hari Perlembagaan Negeri Brunei itu.

Baginda Yang Dipertuan menurunkan tanda-tangan Baginda itu bagi pehak Kerajaan Baginda, sementara Menteri Negara British, Lord Goronwy-Roberts menanda-tangani bagi pehak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen.

Upachara menanda-tangani perjanjian itu di-saksikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien; Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awg Haji Ibrahim; Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail; Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas; dan beberapa orang pegawai British.

Dalam minum uchap-selamat sa-jurus selesai-nya upachara menanda-tangani itu, Menteri Negara British, Lord Goronwy-Roberts mengharapkan bahawa dengan perjanjian yang baru itu, bidang kerjasama dan persahabatan antara kedua2 buah Kerajaan akan bertambah kukoh lagi di-samping Brunei sentiasa terus berkembang maju dalam semua bidang.

Melalui agensi2 berita yang melaporkan upachara itu dari London, perkembangan siasah Brunei dalam usaha menchapai kemerdekaan-nya itu telah di-sibarkan melalui mass-media dunia.

Ia-nya juga mengambil tempat, terutama-nya di-akhbar2, radio dan talivishen di-negara2 Asia Tenggara.

Perjanjian itu akan di-tanda-tangani sa-penoh-nya di-Brunei dalam bulan Disember tahun ini.



GAMBAR UPI ini merakamkan upachara menanda-tangani perjanjian itu yang menunjokkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sedang menurunkan tanda-tangan ka-atas lembaran perjanjian tersebut yang berlangsong di-Pejabat Luar, London sementara Menteri Negara British, Lord Goronwy-Roberts (dudok no 3 dari kanan) menanda-tangani bagi pehak Kerajaan British. Kelihatan juga dalam gambar bagi menyaksikan upachara itu ia-lah DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien; Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg Abdul Momin; YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin; Penolong Setia Usaha Negara, Tuan Donald Murray (kanan sekali) dan lain2 pegawai British.

## Merdeka bukan utk pembesar2 tetapi untok raayat

PUTAT. — Raayat Brunei sekali lagi di-ingatkan tentang betapa perlu-nya mereka itu menjalankan usaha dan ikhtiar tanpa berlingah2 lagi dalam memperlengkapan diri dengan apa jua yang di-perlukan oleh kemerdekaan Brunei yang pasti akan tiba itu.

Tidak-lah chukop bagi raayat Brunei hanya menyambut titah Baginda Yang Dipertuan mengenai dengan kemerdekaan itu hanya sa-kadar "bergembira" saja, tetapi yang lebeh penting ia-lah usaha kita untok mengisikan-nya.

Ini telah di-tekankan oleh Yang Berhormat Awg Abdul Latif bin Abdul Hamid ketika merasmikan sambutan Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan ke-32 tahun yang di-adakan oleh pendudok2 kampong2 Putat dan Kasat pada hari Jumaat lepas.

Yang Berhormat itu berkata, jika keperluan2 yang di-kehendaki untok mengisikan kemerdekaan itu siap sedia sa-belum 1983 ini, maka hasrat yang kita chita2kan itu akan dapat kita sambut dengan kegembiraan dan di-nekmati dengan sempurna-nya.

Beliau mengingatkan bahawa kemerdekaan ada-lah suatu tanggong-jawab yang meluas yang bukan hanya terletak kapada pembesar2 negara, pegawai2 Kerajaan dan penghulu atau ketua2 kampong, tetapi ia-nya terletak di-bahu seluroh raayat.

"Tiap2 gulongan raayat dan pendudok negeri ini, dari perengkat2 atas, menengah, bawah, penuntut2 hingga-lah perengkat ibu-bapa yang mengasoh anak2 mereka, perlu mengambil tanggong-jawab ini menurut kadar yang terdaya untok mendapatkan ilmu pengetahuan dan chara2 menjalankan suatu tanggong-jawab itu yang bersesuaian dengan kehendak2 yang di-perlukan oleh bangsa dan tanah ayer kita", ujar-nya.

Kalau-lah tanggong-jawab itu chuma di-bebankan kapada sa-bahagian kechil daripada bilangan orang yang mahu bertanggong-jawab saja, kata-nya, maka hasil2 yang terbit dari usaha untok mengendalikan kemerdekaan itu tentu-lah tidak menchukopi.

Mengenai dengan intisari perayaan itu, Awang Abdul Latif menyambut baik atas minat pendudok2 di-situ dalam mengketengahkan berbagai kerajinan tangan mereka yang menurut beliau bahawa unsor2 kebudayaan dan kesenian Brunei itu patut benar-lah di-semarakkan.

Lihat muka 16

## 16 ORANG DI-KORNIAKAN BINTANG2 DAN PINGAT2

LONDON. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah mengorniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat Kehormatan Negeri Brunei kapada 16 orang dalam satu istiadat pengorniaan yang di-adakan di-Grosvenor House, London pada 29hb September yang lalu.

Mendahului senarai penerima itu ia-lah Mr. Charles Fletcher-Cook yang telah di-korniakan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama — S.P.M.B.

Mr. J.G. Le Quesne telah di-korniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua — D.S.N.B., sementara Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua — D.S.L.J. telah di-korniakan kapada Mr. B.C. Cartland. Pengorniaan Bintang2 itu membawa gelaran Dato.

Darjah Paduka Seri Laila Jasa Darjah Ketiga — S.L.J. telah di-korniakan kapada Mr. J. Welch dan Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — S.M.B. di-korniakan kapada Mr. R.G. West Brook-Pike.

Empat orang di-korniakan Pingat Hassanal Bolkiah Sultan Pangkat Pertama—P.H.B.S. Mereka ia-lah YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pg Bahrin bin Pg Haji Abbas, YDM Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Setia Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Mohd Said, YDM Pehin Datu Pekerma Bijaya Major Dato Paduka Awang Hussin bin

Lihat muka 16

**Pelita Brunei**
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

4HB OKTOBER, 1978

## BERBAKTI SA-BAKTI ORANG TUA2 KITA

ANTARA berbagai projek ekonomi yang sedang giat di-susun dalam kemajuan pembangunan negara kita sekarang ini, sektor pertanian ada-lah satu2-nya yang utama bagi menghasilkan keperluan asasi kita terutama dalam penghasilan tanaman padi untok mendapatkan sumber bekalan beras yang merupakan keperluan wajib dalam kehidupan harian kita di-negeri ini.

Saperti yang kita sedari bahawa negara kita begitu makmor dengan kekayaan-nya yang di-perolehi dari penghasilan minyak mentah yang merupakan sumber ekonomi yang sangat strategis, maka kerana sifat-nya yang strategis itu kita tidak semesti-nya akan selama2-nya bergantong dan menumpukan fokas bagi memenohi kehendak kemakmoran dan kekayaan negara kita terhadap-nya, malah jauh sekali untok kita berkemampuan menggantikan-nya dalam bentok sumber ekonomi tingkat kedua yang memerlukan kemahiran dan kemajuan sains dan teknoloji sekira-nya sumber minyak tidak berkemampuan lagi untok memberi kemakmoran kapada kita.

Sa-bagai sa-buah negeri yang sa-memang-nya subor, tentu-nya dengan kesuboran itu akan terdapat banyak chara untok kita menghasilkan "bumi hijau" dengan jaya-nya lebeh2 lagi dalam menambah dan menchukopi bekalan barangan utama saperti padi dan beras.

Penanaman padi di-negeri ini saperti yang kita sedari hanya-lah merupakan suatu kegiatan yang di-usahakan sa-chara kechil2an sahaja, tegas-nya penghasilan padi untok beras di-kerjakan sa-bagai suatu sumber mata pencharian tambahan atau sampingan bagi sa-kelompok masharakat terutama orang kampong di-samping mereka mempunyai mata pencharian lain yang di-anggap lebeh utama oleh mereka.

Kerana itu tidak heran-lah sapertimana kata Dato Setia Awang Abdul Rahman, Pengarah Perjawatan Brunei di-Pertunjokan Pertanian Daerah Belait baru2 ini, bahawa . . . negeri kita yang sa-memang-nya mempunyai tanah yang subor, tetapi maseh terdapat lagi mereka yang sepatut-nya bergiat mengusahakan tanah yang subor ini telah meninggalkan usaha tersebut dan berhijrah ka-bandar2 untok makan gaji.

Kerana itu bagi menampong keperluan yang mesti ada ini negara kita yang kaya dengan sumber minyak-nya berusaha dengan mengimpot bekalan beras dari luar negeri terutama dari Siam yang sudah berjalan sekian lama, dan kita tentu berterima kaseh kapada Kerajaan Kebawah DYMM yang mengambil berat dalam perkara ini yang mana sa-bahagian dari harga-nya yang perlu kita bayar ada-lah di-tampongi dengan bantuan subsidi bagi sa-tiap gantang yang di-beli.

Tetapi ada-kah hanya dengan berterima kaseh itu chukop untok kita mengatasi masaalah yang mungkin kita hadapi suatu hari nanti ? — atau bahawa dengan subsidi yang berjumlah 50 peratus dari harga belian yang telah di-tutopi oleh Kerajaan itu kita sudah tidak mahu untok bergerak, berikhtiar untok mengatasi-nya ?

Kita tidak tahu sampai bila kemampuan negara kita dengan kekayaan sumber minyak-nya akan berupaya untok memenohi bekalan itu dengan subsidi yang begitu besar kapada kita atau sampai bila Negeri Siam akan bermurah hati untok menjual bekalan beras-nya kapada kita.

Dalam hal ini hanya dengan perubahan sikap dan usaha yang giat serta gigih dari petani2, juga anak2 muda yang berkelulusan sampai tingkatan tiga bahkan lebeh tinggi daripada itu lagi, mahu berbakti kapada bumi saperti sa-bakti orang2 tua kita dahulu, di-perlukan sa-bagai ikhtiar bagi mengatasi masaalah2 yang kita hadapi itu.

Justeru itu memang kita sedari dalam apa jua bidang yang berkebajikan Kerajaan Kebawah DYMM sentiasa tidak pangling mata dan tuli telinga untok memaduli dan memantuni dalam menggalakkan usaha2 demikian dengan berbagai2 bantuan. Hanya terserah kapada diri kita — para petani atau belia2 tani yang sudah mendapat ilmu pertanian atau lulusan2 sekolah yang ingin menabor bakti kapada bumi Darussalam ini sa-bagai mewarithi usaha orang2 tua kita untok mengubah sikap, kerana, kalau kita benar2 menyedari akan hakikat kebaikan-nya tentu-lah kita akan berjaya juga.

### *Penggembara dari Bangladesh mensifatkan:*

# ISLAM BERTAPAK KUAT DI-BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dunia Islam dan masharakat-nya akan menjadi bahan utama kapada Mir Md Abdus Salam dalam renchana2 yang akan di-tulis-nya berhubong dengan lawatan2-nya keliling dunia.

Brunei ada-lah satu2-nya negara di-Asia Tenggara yang di-lawati-nya yang sunggoh menarek minat-nya dalam membicharakan perkembangan2 Ugama Islam dan masharakat Islam hari ini.

Beliau merasa kagum tentang keadaan Brunei yang sunggoh berlainan dengan lain2 negara di-rantau ini yang menurut-nya Brunei mempunyai dua keistimewaan.

Kapada wakil kita beliau memberitahu bahawa kehidupan raayat dan kebudayaan orang2 Brunei kadang-kala memberikan gambaran kapada-nya tentang orang2 Arab pada-hal Brunei bukan-lah negara Arab.

Tentang keindahan alam semula jadi negeri ini pula, beliau merasakan sa-olah2 berada di-setengah2 negara Eropah saperti Switzerland dan Germany, bahkan lebeh indah lagi dengan keadaan kampong ayer yang di-sifatkan-nya sa-bagai "Venice of the South East Asia".

"Melihat kapada keadaan pendudok Brunei yang baik hati dan berbudi bahasa serta kuat-nya Ugama Islam, saya ingin benar berada di-sini lebeh lama bagi, tetapi saya terpaksa meneruskan perjalanan saya ka-beberapa buah negara yang belum saya lawati", kata-nya.



Mir Md Abdus.

Beliau tidak ragu2 mengatakan bahawa Brunei ada-lah negara yang kuat berpegang kapada ajaran2 Islam dan mempraktikkan-nya begitu sunggoh2 sekali. "Di-chelah2 rantau Asia ini, di-Brunei-lah saya mendapati satu pertapakan Ugama Islam yang begitu kuat sa-hingga pengaroh2 ugama lain sa-olah2 tidak punya tempat di-sini," kata-nya.

Abdus Salam ia-lah sa-orang raayat Bangladesh yang berasal dari Decca, sa-orang pengembang Ugama Islam sa-lain dari bertugas sa-bagai wartawan sambilan kapada akhbar "Azad" di-Bangladesh dan bekas sa-orang penuntut di-Azhar Universiti, Cairo dalam pengajian Bahasa Arab dan Ugama Islam.

Dalam lawatan-nya kira2 sa-minggu di-Brunei, beliau telah sempat menemui Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan; Mufti Kerajaan Brunei; Pegawai2 Kanan Jabatan Hal-Ehwal Ugama dan pegawai2 dari Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Beliau telah pulang ka-Bangladesh minggu lepas sa-belum meneruskan perjalanan-nya ka-beberapa buah negara Eropah yang lain. Beliau telah pun melawat ka-negara2 Timor Tengah; sa-bahagian dari negara2 Eropah, Amerika, Afrika dan Russia.



Awang Md Yusof, Dayang Siti Sara dan Awang Lim Eng Hoi.

## Jalani kursus kemahiran di-UK

BERAKAS. — Tiga orang Penulong Pengawal Lalu-Lintas Udara dari Jabatan Penerbangan Awam Brunei telah berlepas ka-United Kingdom malam hari Jumaat lepas untok mengikuti kursus kemahiran kawalan lalu-lintas udara sa-lama tiga bulan di-Hurn, Bournemouth.

Mereka ia-lah Dayang Siti Sara binte Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Setia Awang Haji Md Taha; Awang Md Yusof bin Abdul Jalil dan Awang Lim Eng Hoi.

Ketiga2-nya telah pun menjalani latehan asas di-Brunei dan latehan lanjutan di-Jabatan Penerbangan Awam, Republik Singapura.

Awang Don Harding, Pegawai Latehan Lalu-Lintas Udara Jabatan Penerbangan Awam Brunei ia-lah di-antara yang menguchapkan selamat belayar kapada mereka sa-lain dari pegawai2 dan kakitangan jabatan itu dan juga sanak-saudara mereka.

Mereka di-jangka akan pulang ka-Brunei dalam bulan Disember ini.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang didapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula pada 27hb September, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Tan Eng Huat, No. 111, Bangunan Guru2 Melayu.
   (b) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier.
   (c) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
2. KACHANG KUDA — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
   (b) Teck Hin, No. 56, Jalan Sultan.
3. KITCHAP CHAP GOLDEN LEVEL — $1.50 sa-botol boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Soon Seng & Company, No. 32, Jalan Pretty.
   (b) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty.
   (c) Hwa Min, Bangunan Foo Chow.
2. KACHANG KUDA — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Kok Kit Hin, No. 28, Jalan Pretty.
3. KITCHAP CHAP GOLDEN LEVEL — $1.60 sa-botol boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty,
   (b) Fon Soon, No. 60-A, Jalan Pretty.
   (c) Chop Hwa Min, No. B Bangunan Dewan Perdagangan China.

**SERIA**

1. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   (a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   (b) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
   (c) Hudson Company, No. 31, Jalan Sultan Omar Ali.
   (d) Hui Guan, No. 48-B, Jalan Bunga Kuning,
   (e) Chop Giap Hin, No. 49-B, Jalan Bunga Kuning.
2. KACHANG KUDA — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Yick Heo, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
3. KITCHAP CHAP GOLDEN LEVEL — $1.50 sa-botol boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 7hb hingga 11hb Okt. 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 7.10.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 7.10.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 7.10.1978 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 9.10.1978 | Isnin | 3.00– 4.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 9.10.1978 | Isnin | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 10.10.1978 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 10.10.1978 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 11.10.1978 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 11.10.1978 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 11.10.1978 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |



A new patrol boat of the Royal Brunei Malay Regiment, the KDB WASPADA is seen above at Muara.
The KDB WASPADA is one of the three boats ordered by the regiment from the Vosper Thoneycroft shipyard in Singapore.
The other two are the KDB PEJUANG and the KDB SETRIA which are currently undergoing trial run and being fitted with equipment respectively.

# NEW ANGLO-BRUNEI TREATY INITIALLED

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Brunei and British Governments last Thursday initialled a new treaty under which Brunei will assume its full international responsibility as a sovereign and independent State at the end of 1983.

The treaty was initialled at the Commonwealth and Foreign Office in London by His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah for Brunei and the British Minister of State, Lord Goronwy-Roberts, for Britain.

Present at the initialling ceremony were Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khiri Waddien, the Yang Teramat Berhormat General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Mentri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin and several British officials.

The new treaty would be signed in December and would then come into effect.

## JUNIOR SPORTS MEET

KUALA BELAIT. — The forty-two Junior Secondary Schools throughout the State held their annual sports meet at the Perdana Wazir English School padang here last week.

The meet was officially declared open by the Trade Relations Adviser of the Brunei Shell Petroleum Company, Mr. B. Livingstone.

More than three hundred students representing the schools competed in the forty-five field and track events.

Fourteen new records including in the javelin, 4x100 metre relay and shot putt were established.

In the javelin, Awangku Zainuddin bin Pengiran Jamaluddin from the English Preparatory School in Bandar Seri Begawan made a successful throw of 26.65 metres thus bettering last year's record by 2.17 metres.

The Anthony Abell College in Seria set the new record in the relay event with a time of 48.1 seconds compared to last year's 49.4 seconds.

Wee Kui Hai from the Chung Hwa Middle School here set the new shot putt record with a throw of 11.55 metres which was some 1.67 metres more than the previous record.

The Belait District was the overall winner of the meet, the Brunei Muara District runner-up and the Tutong District third.

The Belait District Officer Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar presented the prizes which included eight challenge trophies donated by individuals.

## Police anxious to interview men

JALAN MUARA. — The Royal Brunei Police is seeking a number of young men for entry to the Force as constables.

Successful applicants will undergo a six-month recruit training at the Police Training Centre here starting early next month.

Applicants must be Brunei subjects, bachelors or married between the ages of 18 and 28, at least 5' 2" in height and be physically and mentally fit.

They must have at least passed Standard VI Malay or English.

The starting salary of recruit is $325.00 a month plus $100.00 allowance.

On completion of training basic salary and allowance arises to $525/-.

Applicants should attend for interview by the Recruiting Officer at the following places : —

Bandar Seri Begawan Police Station on Monday 9th October at 8.00 a.m. and 2.00 p.m.

Tutong Police Station and Lamunin Police Station on Tuesday 10th October at 9.00 a.m. and 2.00 p.m. respectively.

Kuala Belait Police Station and Seria Police Station on Wednesday 11th October at 9.00 a.m. and 2.00 p.m. respectively

Temburong Police Station on Thursday 12th October at 9.00 a.m. and 2.00 p.m.

## Blind men, women attend special party

BANDAR SERI BEGAWAN. — Fourteen blind men and women from the Rehabilitation Centre here last week were treated to a special Hari Raya party at the nearby Youth Centre.

The party was organised by the Brunei Muara Red Cross Association and started with a speech by its chairman, Pengiran Rohana binte Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohammad.

The Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Perkerma Raja Dato Setia Haji Hussein also spoke.

Among those present were the Acting Director of Medical and Health Services, Dato Haji Johar bin Dato Haji Nordin and officials of the Welfare, Youth and Sports Department, and Red Cross Association.

Dato Haji Johar presented gifts to the blind men and women.

## RBMR retains swimming title

BERAKAS. — The Royal Brunei Malay Regiment swimming team has retained the championship they won last year in the British Armed Forces Swimming competition in Hong Kong.

The seventeen swimmers who returned from Hong Kong last week were accompanied by the regiment's swimming coach, Warrant Officer McKay.

The team competed in ten out of a total of twenty events against six major units of the British Armed Forces based in Hong Kong.



## Hari Raya party for orphans

KUALA BELAIT. — One hundred and fifty orphans in the Belait District were feted at a Hari Raya party held at the Kuala Belait Recreation Club here last week.

The Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Perkerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein and the Assistant Belait District Officer, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu, were among those present at the party.

Pehin Dato Hussein later distributed gifts to the orphans.

Our picture above shows some of the orphans who attended the party.

## Pilgrims leave for Mecca

BANDAR SERI BEGAWAN. — A total of five hundred and twenty pilgrims will fly to Jeddah this month with the first group of twenty-five pilgrims scheduled to take off for Singapore at 10.30 this morning.

All the pilgrims will be flown from Brunei to Singapore by Royal Brunei Airlines in six batches while from Singapore to Jeddah they will leave in four groups by China Airlines.

The second group of seventy-two pilgrims will leave for Singapore tomorrow at 9.00 in the morning.

The third and fourth groups will depart for Singapore on Friday with the first flight taking off with sixty-nine pilgrims at 4.15 in the afternoon and the second flight half an hour later with seventy-two pilgrims.

The fifth and sixth groups comprising eighty-four pilgrims and fifty-seven pilgrims respectively will leave the State on October 12 with the first flight on that day departing at six in the morning and the second one some three hours later.

The pilgrims will be accompanied all the way to Mecca by an eight-member medical team led by Dr. Hussein bin Haji Mohammad Daud.



A scene at the Do'a Selamat held at the Belait District Office conference room in Kuala Belait last week for fifty-eight pilgrims who had attended a course on how to perform the Haj which was conducted by the Belait District Kathi, Awang Haji Ishak bin Adam.
The District Officer, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar, was among those present at the Do'a Selamat.

## oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED

### Siri kesembilan

# SISTEM SAMA RATA SAMA RASA KOMUNIS ADA-LAH ANGAN2

HARTA tidak boleh di-mileki oleh individu, sebab jika ini di-benarkan akan ber-laku-lah penindasan oleh satu pehak ka-atas pehak yang lain. Pehak penindas yang di-maksudkan itu ia-lah golongan kapitalis, yang memileki sistem serta po-lisi ekonomi bebas yang tidak di-ganggu gugat oleh kerajaan. Sementara sistem ekonomi komunis menghapuskan hak milek perseorangan. Konon-nya dengan cha-ra ini dapat melenyapkan jurang perbedzaan dalam masharakat. Tetapi benar-kah ini?

Chuba perhatikan, hingga hari ini orang2 komunis sendiri maseh lagi men-chari2 kaedah untok menghuraikan masaalah mereka. Teori penghapusan hak mi-lek dan persamaan hanya sebutan sahaja, sedang praktik-nya tidak pernah wujud. Dalam sistem komunis, hasil pekerjaan itu mesti di-sama ratakan sa-bagai ke-punyaan bersama. Dan tiap2 orang mesti berkerja menurut kechekapan masing2 dan mendapat bahagian menurut keperluan masing2. Tetapi di-Russia sendiri siapa yang besar hasil pekerjaan-nya mendapat gaji yang tinggi, malahan mem-perbanyak hasil saperti itu ada-lah di-anjorkan dan di-hormati orang (lihat en-cyclopedia karangan Adi Negoro).

Jika benar communism menuju ka-arah penghapu-san hak milek dan melak-sanakan persamaan tulin, mengapa maseh di-anjor-kan dan bahkan di-galak-kan memperbanyak hasil pendapatan peribadi di-antara mereka? Konon-nya communism itu me-nganjorkan dasar sama rata sama rasa tanpa kelas, tetapi mengapa di-dalam masharakat komunis itu sendiri, di-negara2 yang memakai ideologi komu-nis, telah sedia wujud de-ngan tegap-nya kelas2 da-lam masharakat? Tokoh2 politik yang menjadi pe-mimpin parti, ahli2 pen-tadbir, pegawai2 kerajaan dan pengarah2 pertubo-han dan lain2, semua me-reka itu mendapat kedu-dokan tinggi dan tegoh serta menekmati kemewa-han hidup dalam masha-rakat. Taraf mereka tidak-lah sama dengan kaum bu-roh yang berkerja di-ki-lang2, yang di-bayar de-ngan gaji yang murah. Golongan2 profeshenal mendiami rumah2 besar dan chantek, mempunyai kereta2 dan pemandu sen-diri, yang semua itu sudah pasti tidak dapat di-mileki oleh kaum buroh dan pe-kerja di-kilang2. Kerana itu ada-lah dongeng sahaja dakwaan2 yang mengata-kan communism meletak-kan segala2-nya itu atas dasar persamaan — ter-masok persamaan hak dan pembahagian rezeki.

Jadi jelas sekarang, ba-hawa communism itu ha-nya suatu angan2 dan impian kosong, atau jika ia hendak di-sebut juga sa-bagai satu dasar atau prinsip, maka ternyata-lah ia-nya amat berlawanan dengan *fitrah manusia* yang natural. Fitrah atau asal kejadian itu *tidak ada yang serupa,* hatta daun2 dari satu pohon juga tidak ada yang betul2 serupa.

Karl Marx, Engels, Le-nin dan lain2 itu berjuang untok persamaan hak dan membela kaum buroh dari di-tindas oleh kaum maji-kan ada-lah merupakan manifestasi yang indah pada ungkapan-nya saha-ja. Kini kaum tersebut su-dahpun berkuasa dan membentok kerajaan-nya yang besar. Apa yang ber-laku? Sa-sudah berkuasa, mereka memerentah de-ngan kejam, mereka lupa-kan prinsip asal untok membela raayat jelata yang miskin, sebalek-nya raayat jelata-lah yang jadi *ulam,* di-tekan dan tidak di-beri peluang sedikitpun untok menegor kerajaan, walaupun dalam perkara2 yang hak dan benar. Bah-kan mereka di-ugut dan di-takut2kan dengan po-lis2 rahsia yang senghaja di-tubohkan khas untok mengintip dan mendapat-kan rahsia2.

SEKARANG mari kita tatap perbandingan2 anta-ra ugama Islam dan com-munism dalam hal prinsip *hak milek dan persamaan* ini.

Communism mengan-jorkan supaya di-hapus-kan hak milek perseorang-an, sementara ugama Islam tetap mengakui ada-nya, di-benarkan dalam kehidupan antara Muslim dan bahkan juga yang bu-kan Muslim. Communism menganggap *harta* itu mu-soh kapada keadilan, jika ia-nya di-mileki oleh sa-orang, sebab ia-nya pasti di-jadikan *alat penekan atau penindas* kapada kaum yang lemah. Tetapi Islam tidak beranggapan demikian itu. Anggapan begini terang salah-nya, salah seribu kali salah. *Harta bukan alat yang menjadi puncha penderita-an kapada raayat, sekali pun ia di-mileki oleh sa-orang. Ia bukan-lah alat penekan, yang sechara sewenang2 mesti di-guna-kan oleh kaum modal ter-hadap kaum pekerja.*

Konsep harta dalam Islam ia-lah untok mem-basmi kemiskinan. Ia tidak di-gunakan untok kebang-gaan atau bermegah2 oleh golongan yang berpunya (The have) terhadap golo-ngan yang tidak berpunya (The have not). Dan bah-kan *orang2 yang berpunya itu belum-lah akan di-panggil Mukmin yang sa-benar2-nya jika di-sebelah rumah-nya terdapat orang yang mati kerana lapar.* Ugama Islam tidak meng-ajarkan peperangan antara kelas dengan kelas, dan menjadikan hukum revo-lusi itu sa-bagai undang2 alam yang mesti berlaku di-kalangan manusia bu-roh dan majikan. Tetapi sebalek-nya Islam meng-hendaki damai yang ber-kekalan dan harmonis di-antara satu sama lain.

Islam tidak menyangkal ada-nya kelas2 dalam ma-sharakat, antara golongan kaya dan miskin. Dan Is-lam tidak menyuroh mere-ka membuat jurang, bah-kan meminta-nya supaya membuat perhubongan yang muhibbah, yang ti-dak ada pada-nya perasa-an churiga menchurigai dan permusohan. Ber-bedza dengan communism yang menganjorkan pem-berontakan itu biar-lah di-timpakan dengan terok-nya ka-atas golongan ata-san dan majikan yang ber-punya oleh yang tidak berpunya, dengan tidak ada belas kasehan walau sedikitpun.

Islam menyelesaikan masaalah perbedzaan na-sib manusia itu dengan jalan yang paling konkrit dan adil, ia-itu satu2-nya melalui sistem zakat dan sedekah. Sistem zakat apa-bila di-ikut dan di-patohi, ia menumbohkan rasa mu-hibbah dan kaseh sayang yang natural tetapi chukup mendalam. Dan ini apabila berlaku, maka sudah pasti tidak ada lagi maana per-tentangan yang di-mo-mokkan oleh orang2 ko-munis itu. Sementara sis-tem sedekah lebeh luas lagi sifat-nya, sebab ia ti-dak terikat oleh masa dan keadaan.

Banyak ayat2 Allah me-ngenai dengan sedekah dan kewajipan zakat itu di-dalam Al-Kor'anul Ka-rim. Antara-nya Firman Allah yang bermaksud:

*"Dan tetap-lah kamu mengerjakan sembahyang dan keluarkan-lah zakat, dan ruko'-lah bersama orang2 yang ruko'." (Al-Baqarah: 43).*

*"Ambil-lah untok sede-kah sa-bahagian harta me-reka itu, untok tujuan membersehkan mereka."* (Al-Baraah: 103). Sede-kah atau pemberian itu membersehkan bathin dari sifat kikir, mementingkan diri dan terlampau chinta kapada harta, sedang da-lam Islam orang juga di-suroh zahid di-samping giat menchari rezeki itu. Dengan sedekah dapat memupok perasaan chinta kapada si-pemberi dan si-penerima.

*"Sesiapa yang suka memberi (untok kebaji-kan) dan bertaqwa, serta perchaya kapada pemba-lasan shorga, maka akan Kami mudahkan bagi-nya mendapat (jalan) yang mudah".* (Al-Lail: 5 — 7).

*"Kamu tidak akan memperoleh kebajikan yang sa-benar2nya, sa-hingga kamu bersedekah dari yang paling kamu sukai. Dan apa2 yang ka-mu belanjakan itu, sesung-goh-nya Allah mengeta-hui-nya".* (Ali-'Emran: 92).

*"Jika kamu memberi-kan sedekah dengan ber-terang2an, maka itu baik. Dan jika kamu bersem-bunyi2 memberikan-nya kapada orang2 miskin, ma-ka itu lebeh baik lagi un-tok-mu dan menghapus-kan sebahagian dari kesa-lahan-mu. Dan Allah itu mengetahui apa yang ka-mu kerjakan".* (Al-Baqa-rah: 271)

Demikian-lah pimpinan dari Allah supaya orang2 yang berada atau berpu-nya itu menunaikan seba-bagian dari kewajipan-nya menolong orang2 miskin dengan chara yang baik, dengan merengan-kan tangan, sa-bagai sifat si-kuat terhadap si-lemah, yang bernasib baik ter-hadap si-malang. Bukan dengan chara menghasut si-lemah atau si-malang itu supaya *menumpaskan* si-kuat dengan chara yang tidak halal dan di-redzai oleh Allah.

(BERSAMBONG)

# KEBAIKAN MENGUJUDKAN PERSEFAHAMAN DALAM ISLAM

## KHUTBAH JUMAAT



SA-TIAP orang berkehendakkan kebaikan untok diri-nya, tetapi tidak semua orang tahu apa-kah jenis kebaikan yang paling baik untok-nya itu. Kebaikan itu sebenar-nya datang daripada Allah, tetapi ikhtiar ada-lah dari kita sendiri.

Jika berpandu kapada hadith Rasulullah s.a.w., maka kebaikan yang patut menjadi idaman seluroh Muslimin, ia-lah wujud-nya kefahaman dalam ugama, serta menjadikan diri jahid terhadap kenekmatan dunia dan chukop faham serta menyedari hakikat diri. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bererti: *"Jika Allah menghendaki kebaikan bagi sa-seorang hamba, maka di-berikan-Nya fahaman dalam ugama serta menjadikan-nya jahid terhadap kemewahan dunia dan memperlihatkan chachat chela diri-nya"*.

Maksud dari hadith ini menerangkan, bahawa apabila Allah menchintai sa-seorang itu, maka Dia akan membuka hati-nya untok memahami ajaran2 Ugama, mengukohkan pendirian-nya sehingga tidak tergoda oleh kesenangan dunia, dan menubohkan kesedaran untok menyedari chachat chela serta kekurangan2 diri-nya.

Kefahaman dalam ugama merupakan sharat utama untok menchapai kebahagiaan hidup. Setiap Muslim mesti-lah berusaha dan berharap agar dia di-berikan kurnia ini, dan manakala ini telah di-dapati-nya, berma'ana setiap gerak dan kegiatan hidup-nya akan berlangsong di-atas garisan yang betul, sa-bagai hasil fahaman-nya yang betul terhadap ugama, yang membawa-nya chepat mengerti dan menerima ajaran2 ugama itu, dengan tidak banyak daleh dan ragu2.

Kemudian sikap jahid terhadap dunia, juga merupakan sikap yang di-gerakkan oleh Allah kadalam hati hamba-Nya. Sari pati atau tanda jahid itu ia-lah tidak memperjuangkan kenekmatan dan kepentingan2 dunia lebeh dari hasad yang di-perlukan, dan tidak bersikap bakhil membolot kenekmatan yang di-perolehi-nya, bahkan ia hendak-lah memberikan sa-bahagian daripada-nya untok menolong orang2 yang susah dan melarat, berderma dan melakukan amal2 jariah, yang kesan-nya dapat pula di-rasakan oleh umom.

Sunggohpun begitu, kita perlu tegaskan di-sini, bahawa konsep jahid itu tidak-lah pula ia menghalangi sa-seorang daripada berusaha dan bekerja keras menchapai kemajuan dunia. Tetapi yang di-kehendaki dengan jahid di-sini ia-lah, jangan membiarkan kemewahan dan nekmat dunia itu merampas seluroh kegiatan-nya, menguasai segala chita2-nya, hati dan jiwa raga-nya. Berkata Ibnu Al-Jauji: *"Sa-seorang yang jahid tidak merasa gembira dengan kekayaan yang ada dalam tangan-nya, dan tidak pula sugol terhadap kekayaan yang hilang dari tangan-nya"*.

Dan akhir sekali, hadith di-atas menerangkan bahawa tanda sayang Allah terhadap hamba-Nya, ia-lah si-hamba itu menyedari kelemahan dan chachat chela diri-nya, ia-itu suatu kesedaran yang berharga yang datang daripada Allah. Menginsafi dan menyedari kelemahan2 diri itu merupakan pintu pertama ka-arah keredhaan Allah dan hidup yang sempurna. Hanya orang2 yang demikian ini sahaja yang dapat di-harapkan daripada-nya sifat2 tawadhu' dan merendah diri, kerana itu, tanpa ada-nya kesedaran ini, manusia amat mudah terdedah kapada tingkah laku yang kasar, saperti takbur, bongkak, lupa daratan, ia-itu jenis2 akhlak yang menghanchorkan perhubongan sesama manusia dan juga amat di-benchi oleh Allah Ta'ala.

Mudah2an kita umat Islam dan para jemaah sekalian, di-berikan oleh Allah kurnia yang besar saperti yang tersebut dalam hadith di-atas, ia-itu fahaman yang baik dalam ugama, dalam erti menerima ajaran2-Nya, tidak membantah dan ingkarkan hukum2 Allah, kedua sifat jahid ketiga sifat sedar dan insaf terhadap kelemahan2 diri selaku hamba Allah yang tidak suchi dari chachat chela.

# Memelok Ugama Islam

BARU2 ini lima orang lagi telah memelok ugama Islam di-negeri ini.

Sa-orang gadis Murut, Umang bte Tahir, 19 tahun kini di-kenali sa-bagai Aisah bte Abdullah. Norliah bte Chung Seng Chong, 16 tahun kini di-kenali sa-bagai Norislamiah bte Abdullah. Manakala Siti bte Pagar, 30 tahun, dari keturunan Dusun telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Siti Aidawati bte Abdullah. Sa-orang pemuda Dusun Patae bin Ongsang, 24 tahun, kini di-kenali sa-bagai Jaimi bin Abdullah.

Saudara2 baru Islam ini melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg Hj Ismail bin Matserudin dalam beberapa majlis pengIslaman yang berlangsong di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri.

Manakala Yagus bin Burut, 23 tahun, sa-orang pemuda Dusun, melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Hj Abd Aziz bin Hj Mohammad, Imam Masjid Setia Ali, Pekan Muara dalam satu majlis peng-Islaman yang berlangsong di-rumah Imam tersebut. Yagus kini di-kenali sa-bagai Mohd Herry bin Abdullah.

# Jasa kapada masharakat tidak sempurna tanpa mengerjakan surohan Allah

KITA pernah mendengar ada sa-tengah2 orang mengatakan bahawa walau pun ia tidak bersembahyang, berzakat atau menunaikan rukun2 yang lain, tetapi merasa puas hati sumbangan serta peranan yang di-mainkan-nya terhadap negara dan masharakat-nya yang berupa kerja2 kebajikan dan kebaktian.

Masharakat dan negara tidak menapikan jasa2 mereka ini, apatah lagi jasa itu mendatangkan atau memberi keselesaan kapada kehidupan masharakat, dan negara terhutang budi kapada-nya. Ini-lah yang di-mengertikan-nya sa-bagai sa-orang yang bertanggong jawab terhadap bangsa dan negara-nya. Di-samping itu apa yang di-harapkan-nya agar tidak timbul apa2 ristaan yang burok terhadap-nya, dengan itu ia menganggap kehidupan-nya sudah sempurna.

Sa-chara tegas dapat kita simpolkan dari sikap yang sa-demikian itu, ia-itu bahawa hidup-nya telah menjadi terhadap diri-nya sendiri kerana di-sa-balek jasa dan bakti-nya sa-olah2 ia meminta sanjongan dan menchari nama. Sa-benar-nya ia telah mengabaikan fungsi-nya sa-bagai manusia dan tanggong jawab-nya sa-bagai makhlok yang mempunyai identiti yang tersendiri dalam hubongan-nya dengan Allah yang maha penchipta dan mengetahui. Dan dapat juga di-katakan bahawa faktor2 yang mendurong mereka ini untok berbakti kapada masharakat dan negara-nya ada-lah sa-mata2 kerana peri kemanusiaan bukan kerana Allah.

Dalam Islam berbakti kapada masharakat dan negara itu memang-lah suatu kewajipan yang termasok dalam fardhu kifayah yang sangat2 di-tuntut ka-atas umat Islam menunaikan-nya. Tetapi hendak-lah saganding sama dengan kewajipan2 yang lebeh penting di-sisi Allah saperti sembahyang, puasa, berzakat, menunaikan fardhu haji jika terdaya dan saterus-nya apa2 yang terkandong dalam kewajipan sa-bagai sa-orang Muslim yang sejati. Maka apabila semua itu di-dasarkan samata2 kerana Allah, maka baharu-lah ia memenohi tujuan kejadian hamba yang mesti beribadat kapada Allah saperti firman-Nya dalam surah Al-Zuriat ayat 56 yang bermaksud kira2: *"Tidak Aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untok beribadat kapada Ku."*

Dari penjelasan sengkat itu tadi mungkin juga ada orang yang mengaku bahawa ia telah pun melakukan satu jurusan ibadat dan ini di-fikirkan-nya memadai meski pun tidak menunaikan ibadat yang lain. Atau pun ia akan berbangga kira-nya ia lebeh banyak menabor bakti kapada masharakat jika di-bandingkan dengan orang yang memperuntokan masa-nya juga untok menunaikan ibadat yang lain. Kerana barangkali kesempatan-nya untok berkhidmat kapada masharakat itu lebeh banyak masa-nya dan sudah tentu apabila nilai maka ia-nya lebeh banyak berjasa. Maka orang akan menyanjong dan menyayangi-nya. Tetapi pendirian ini telah jauh terpisong dari memenohi pengertian ibadat kapada Allah yang sa-benar-nya.

Berbakti di-atas dasar kemanusiaan saja ada-lah tidak chukop dan pendirian saperti ini kadangkala ternoda oleh manusia sendiri. Betapa biasa-nya kita dengar tentang berlaku-nya penyelewingan, pechah amanah, ketidakadilan dan sa-bagai-nya. Ini ada-lah akibat berbakti yang di-asaskan kerana peri kemanusiaan. Orang2 saperti ini mungkin akan berlaku jujor, amanah jika ada manusia lain di-hadapan-nya. Tetapi ia akan berani melakukan sa-balek-nya jika ia tidak di-perhatikan dan tidak ada yang menegor-nya. Kalau pun ia berlaku jujor tetapi ia akan berasa kechewa jika jasa-nya tidak di-hargai atau budi-nya tidak di-kenang. Lantas ia berputus asa dan lemah semangat untok meneruskan bakti-nya.

Maka untok menuju ka-arah erti kehidupan yang sa-benar-nya kita mesti-lah memenohi tanggong jawab ia-itu terhadap Allah s.w.t. dan terhadap masharakat dengan jujor dan ikhlas bukan dengan satu2 tujuan yang sa-mata2 untok kepentingan diri sendiri.

# Berkursus

SA-ORANG penolong pensharah di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Tengah bin Abd Latif telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Selasa lalu kerana melanjutkan pelajaran.

Awang Tengah akan mengikuti kursus Sijil Pendidekan Commonwealth dan Seberang Laut di-University of Birmingham sa-lama sa-tahun.

Baharu2 ini sa-orang lagi pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Awang Ahmad bin Abd Rahman telah berlepas ka-United Kingdom kerana mengikuti kursus penyeliaan, pemereksaan dan pentadbiran pelajaran sa-lama kira2 tiga bulan di-Universiti yang sama.

Kedua2 orang pegawai tersebut ada-lah di-bawah biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sechara latehan dalam perkhidmatan.

# RALAT

**Dalam ruang lima baris ketiga dan ka-30 keluaran Khutbah Jumaat minggu lalu terdapat kesilapan perkataan yang sa-patut-nya di-bacha : — MENGABDIKAN dan bukan MENGABADIKAN.**

**Di-ruangan yang sama juga pada baris ka-32 terdapat ayat yang tertinggal selepas perkataan baik. Ayat itu ia-lah:— ...mematohi hukom Allah dengan beribadat hanya sechara sambil2an................**

# Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4hb Oktober, 1978 hingga ka-hari Selasa 10hb Oktober, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4hb Okt | 12.16 | 3.33 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 5hb Okt | 12.16 | 3.33 | 6.17 | 7.31 | 4.35 | 4.50 | 6.07 |
| 6hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 7hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 8hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 9hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 10hb Okt | 12.14 | 3.32 | 6.14 | 7.30 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**




BAHAGIAN Penerangan dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei telah menerbitkan dua buah buku yang masing2 berjodol: Pembentokan Keluarga dari Sudut Pandangan Islam dan Panduan Chara2 Sembahyang Mayat, Tahlil dan Doa-nya (gambar atas). Kedua2-nya berharga $1.00 tiap2 sa-naskhah.

Di-samping itu beberapa buah lagi buku2 yang di-terbitkan sa-belum-nya oleh jabatan ini sedang di-jual kapada orang ramai.



Pengarah Pelajaran, Awang Ahmad bin Haji Jumat menyampaikan Oskar Kejohanan Peraduan Permainan Lalu-lintas Perengkat Daerah Brunei-Muara yang telah di-adakan pada 24hb September yang lalu, (kiri) Sekolah Persediaan Inggeris Lumapas dan Sekolah Inggeris Amar Pahlawan.

# 8 BUAH SEKOLAH DI-PILEH KA-PERADUAN PERMAINAN LALU-LINTAS SA-NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Permainan Lalu-lintas bagi Sekolah2 Rendah di-seluroh negeri akan di-adakan pada 15hb Oktober ini bertempat di-hadapan Bangunan Jabatan Setia Usaha Kerajaan di-sini.

Sa-banyak lapan buah sekolah akan menyertai peraduan tersebut — empat dari Daerah Brunei-Muara, Daerah2 Belait dan Tutong masing2 akan di-wakili oleh dua buah sekolah.



Peraduan permainan lalu-lintas sedang di-Jalankan.

Peraduan pemilehan bagi Daerah Brunei/Muara telah di-adakan pada hari Ahad minggu lalu. Empat buah sekolah yang telah di-pileh untok mewakili ka-perengkat negeri itu ia-lah Sekolah Persediaan Inggeris Lumapas dengan mendapat 111 markah, Sekolah Persediaan Inggeris Dato Gandi — 107 markah, Sekolah Persediaan Inggeris Amar Pahlawan — 97 markah dan Sekolah Melayu SUAS, Muara — 85 markah.

Daerah Tutong akan di-wakili oleh Sekolah Chung Hwa dan Sekolah Persediaan Inggeris Keriam sementara Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah dan Sekolah Persediaan Inggeris Kuala Belait akan mewakili Daerah Belait.

Peraduan tersebut di-anjorkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

## Kerja membaiki selesai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Wakil2 perkapalan dan pengimpot2 barang2 sejok melalui Pelabohan Muara ada-lah dengan ini di-maalomkan bahawa kerja2 membaiki Gudang2 Simpanan Sejok telah pun selesai.

Barang2 beku dan sejok sekarang ini boleh-lah di-simpan di-bilek2 sejok saperti biasa sementara menunggu pengangkutan kapada pengirim2.

# 2,242 LULUS SIJIL PERDAGANGAN T.M.I. (M) S'PURA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 2,242 orang penuntut kelas dewasa perdagangan seluroh negeri yang telah mendudoki pepereksaan Sijil Perdagangan Trengkas Melayu Institiut (M) Singapura telah lulus dari jumlah 2,736 orang yang mendudoki.

Pepereksaan itu yang di-adakan di-14 buah pusat pepereksaan seluroh negeri pada pertengahan Jun yang baru lalu di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institiut (M) Singapura dengan kelolaan Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran Brunei.

Sa-banyak enam mata pelajaran perdagangan telah di-jalankan dalam pepereksaan itu termasok Trengkas, Menaip, Trengkas Reporting Speed, Menaip Ujian Pantas, Steno Melayu dan Simpan Kira2 dalam perengkat permulaan, menengah dan tertinggi di-aliran Melayu dan Inggeris.

Dari jumlah yang lulus itu 60 orang penuntut darinya telah lulus dalam Trengkas Melayu Permulaan, 52 orang lulus menengah dan 19 orang dalam tertinggi, manakala dalam aliran Inggeris tujoh orang lulus permulaan dan tiga yang lain lulus menengah.

Dalam mata pelajaran menaip, 677 orang lulus pepereksaan permulaan, 763 perengkat menengah dan 404 perengkat tertinggi dalam aliran Melayu sementara 70 lulus permulaan dan 59 lulus menengah serta 53 lulus tertinggi dalam aliran Inggeris.

Tiga orang lulus reporting speed dalam Trengkas Melayu, dua orang lulus Steno Melayu Junior dan tiga orang lulus Steno Melayu Senior, sementara dalam Ujian Menaip Pantas 13 orang lulus tertinggi dan semua chalun gagal dalam menengah.

Dua orang lagi di-aliran Melayu lulus dalam Simpan Kira2 Permulaan dan sa-orang lulus perengkat menengah di-samping 39 orang dalam aliran Inggeris lulus dalam mata pelajaran yang sama di-perengkat permulaan dan 11 orang lagi di-perengkat menengah.

## Rekabentok utk sampul surat hari pertama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei akan mengeluarkan satu jenis setem kenang2an Tahun Antarabangsa Kanak2 pada 30hb Jun 1979.

Dengan ini pelukis2 tempatan ada-lah di-jemput untok mengemukakan rekabentok lukisan2 bagi Sampul Surat Hari Pertama kearah ini kapada Ketua Pos Agong, Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei tidak lewat 7hb Disember, 1978 jam 4.00 petang.

Rekabentok lukisan2 yang di-pileh ada-lah menjadi hak milek Jabatan Perkhidmatan Pos dan akan di-beri hadiah wang tunai sa-banyak $70.00. Rekabentok lukisan2 yang tidak di-pileh akan di-kembalikan semula.

# Sumbangan derma dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah

PEKAN TUTONG. — Guru2 dan penuntut2 Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah telah menyumbangkan dua derma berjumlah $873.20 bagi membantu dua keluarga yang kurang bernasib baik.

Derma yang berjumlah $508.95 telah di-sampaikan kapada Dayang Noriah binte Abu Bakar di-rumah-nya di-Kampong Danau pada hari Selasa minggu lalu. Dayang Noriah ia-lah ibu kapada Awang Mohd Salleh bin Zainuddin, penuntut dari Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah yang telah mati lemas sa-masa menangkap ikan pada 19hb September yang lalu.

Derma kedua berjumlah $364.20 telah di-sampaikan kapada Awang Anai bin Adom, mangsa kebakaran di-Kampong Bukit Udal pada 10hb September yang lalu.

Derma kapada Dayang Noriah telah di-sampaikan oleh Ketua Penuntut Perempuan, Dayang Rosnani binte Haji Ismail, sementara derma kapada Awang Anai telah di-sampaikan oleh Ketua Penuntut Lelaki, Awang Hadion Lim Beng Guan.

Kedua2 majlis penyampaian derma itu telah di-saksikan oleh Pengetua, Awang C.H. Gallop serta guru2 Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah.

Sementara itu, sa-orang peniaga tempatan, Awang Haji Abd Halim bin Haji Ahai juga telah menyumbangkan derma sa-jumlah $500.00 kapada Awang Anai.

Derma tersebut telah di-sampaikan melalui Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Yahya bin Haji Harris di-pejabat-nya pada hari Isnin minggu lalu.



GAMBAR2 ini menunjokkan penyampaian derma kapada Awang Anai, (atas) derma dari Awg Haji Abd Halim (kiri) yang di-sampaikan oleh Awg Haji Yahya sementara gambar kanan penyampaian derma dari Sekolah Ingger is Sufri Bolkiah.



# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 4HB. OKT.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK "The Changeling"
6.17 AZAN MAGHRIB
6.21 STAR TREK — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 RICH MAN POOR MAN — Episod 12
Kate, janda Tom Jordache, bertemu semula dengan Rudy and Wes, dan menchari jalan untok membalas dendam dengan chuba mengesan jejak Falconetti ka-Las Vegas.
7.31 AZAN ISHA
7.35 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 BEWITCHED "Samantha's Da Vinci Dilemma"
Aunt Clara memerentah Leonardo Da Vinci untok melukis rumah Stephen.
9.00 SHOW OF THE WEEK — Julie Andrews and Dick Van Dyke in Covent Garden.
9.50 PERLAWANAN GUSTI
10.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 5HB. OKT.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOT WHEELS
6.17 AZAN MAGHRIB
6.21 HOT WHEELS — sambongan
6.30 THE SECRET OF ISIS — "The Hitchhikers"

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOW THE WEST WAS WON



**GAMBAR : Kenal-kah awda penuntun pada Caroline dan Charles Ingalls dalam "Little House on the Prairie" ini ? Begitu-lah rupa mereka ketika mereka maseh muda belia lagi!** Dalam episod minggu ini dengan tajok "I Remember I Remember" yang di-tayangkan pada hari Isnin jam 6.00 petang, Caroline terkenang2 bagaimana ia dan suami-nya mula bertemu dan jatoh chinta dan kita akan dapat menyaksikan hubongan perchintaan mereka sa-chara "flash-back".

7.31 AZAN ISHA
7.35 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 HIDAYAT
9.00 DOKUMENTARI MELAYU — Audubon Wildlife Theatre "Sa-hari Di-Padang Pasir"
Ranchangan ini memperlihatkan berbagai jenis penghidupan yang terdapat di-kawasan2 padang pasir di-Amerika.
9.30 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.30 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 6HB. OKT.

PETANG
5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 AL-KESAH
5.30 PADDINGTON BEAR
5.40 THE LEARNING TREE
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG — Siri kedua mengandong Kuiz, Buah2 Tempatan, JiranKu, Magic Show, Story Telling, Berita Adek2.
6.14 AZAN MAGHRIB
6.18 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
6.30 THE MUPPETS

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GENERATION GAME
7.30 AZAN ISHA
7.34 THE GENERATION GAME — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE GOOD LIFE — "Whose Fleas Are These"
9.30 THE WATER MARGIN — Episod 24
Lin Chung choba untok membawa jutawan Lu Chin-I, ka-ibu pejabat penjahat2.
10.20 MYSTERY MOVIE : Columbo "Try and Catch Me"
12.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 7HB. OKT.

PETANG
5.15 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 THE LOST ISLANDS
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S FEATURE — "Sky Pirates"
6.14 AZAN MAGHRIB
6.18 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DOCTORS' HOSPITAL — "One of Our Own" — Bahagian kedua.
7.30 AZAN ISHA
7.34 DOCTORS' HOSPITAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 INTISARI — Mengandongi tunjok chara menchuchi gambar2 dan mengketengahkan perusahaan ambolong.
9.00 ERIC SYKES
Alat mengesan penchuri bukan sahaja sebagai alat kechemasan, dan ini dibuktikan oleh Eric apabila pelanggan-nya yang penting tiba.
9.30 STARSKY AND HUTCH — "The Action"
10.20 PREMIER SOCCER
11.10 TAYANGAN MALAM SABTU : "Summer Holiday"
12.50 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 8HB. OKT.

PETANG
5.15 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.17 CHOMAT DAN CHOMEL "Kawan2"
5.30 DAISY DAISY
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT "Dina Sore"
6.14 AZAN MAGHRIB
6.18 ATOM ANT — sambongan
6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "The Pit Pony"

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "747"
7.30 AZAN ISHA
7.34 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 PUSPARAMA "Anita Sarawak" — Ranchangan hiboran terbitan Radio Talivishen Singapura.
9.20 HARD TIMES — Bahagian ketiga
10.10 THAT'S HOLLYWOOD/ DOKUMENTARI
10.40 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 9HB. OKT.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "I Remember, I Remember"



LOUISA Bounderby (Jacqueline Torg) terpaksa memileh di-antara suami-nya yang selalu menganiaya-nya dan Kepten Harthouse yang kachak yang memujok-nya supaya melarikan diri bersama2-nya dalam episod ketiga Hard Times — tayangan-nya pada hari Ahad jam 9.30 malam.



**PETER Falk sa-bagai Lt. Columbo dalam Mystery Movie minggu ini bertajok "Try and Catch Me". Saksikan-lah Columbo yang dapat menyembunyikan pemikiran-nya yang setajam pisau penchukor di-sebalek wajah-nya yang bersahaja, menyelesaikan sa-suatu jenayah dengan penoh aksi, suspens dan jenaka.**

6.14 AZAN MAGHRIB
6.18 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.30 AZAN ISHA
7.34 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 BAHAS — Sa-paroh Akhir antara Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dan Maktab SOAS (Junior).
9.00 WORLD OF SPORT : EAST AFRICAN SAFARI RALLY
9.30 BIG HAWAII — "Tightrope"
Akoni, salah sa-orang sahabat Kimo, selalu sahaja berada dalam kesulitan, kini di-dapati terpenjara — tetapi kali ini atas tudohan membunoh.
10.20 SURVIVORS — "The Last Laugh"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 10HB. OKT.

PETANG
5.45 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.14 AZAN MAGHRIB
618 SESAME STREET — sambongan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LUCAN — "Pariah"
7.30 AZAN ISHA
7.34 LUCAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 KEBUN KITA — CHIKU
9.30 BARETTA — "A Bite of the Apple"
10.20 DOKUMENTARI : Whicker's World "Anchorage, Alaska"
11.10 SIARAN TAMAT.



# INTISARI RT

## "MENUNTUT DI-GREAT BRITAIN"

BAHAGIAN Melayu (Radio) Talivishen Brunei baru2 ini telah merakamkan ranchangan 'MENUNTUT DI-GREAT BRITAIN'. Ranchangan sa-banyak 11 siri itu akan mula di-siarkan pada hari Jumaat, 6hb Oktober, 1978, jam 7.30 malam, dan di-ulang siaran-nya pada hari Sabtu, 7hb Oktober, 1978 Jam 1.00 tengah hari.

Menuntut Di-Great Britain akan memberi panduan dan nasehat kapada pelajar2 kita yang akan menuntut di-United Kingdom untok memasokki Maktab2 dan Universiti2 bagi pengajian yang tinggi dan di-harapkan beroleh kejayaan.

Di-samping memberi panduan dan nasehat, ranchangan ini juga akan mencheritakan serba sedikit pengalaman dan kehidupan di-Kota yang berhawa dingin itu yang di-alami oleh penuntut2 dan juga pegawai2 dari Jabatan Pelajaran yang di-tugaskan di-sana. Ranchangan 15 minit ini, akan di-kendalikan oleh Awang Haji Ahmad Arshad dengan Yang Mulia, Pengiran Mustapha bin Pengiran Metassan bekas Pegawai Kebajikan Penuntut2 Di-United Kingdom.

Kelihatan Pengiran Mustapha di-kiri dan Awang Haji Ahmad di-kanan, ketika rakaman ranchangan tersebut di-lakukan di-Studio B, Bangunan Radio Talivishen Brunei.

## *Panduan Pelajar*

UNTOK keluaran minggu ini, 6hb Oktober, 1978, jam 3.30 petang, panduan pelajar akan membawa pelajar sekalian untok mengikuti satu tajok yang di-kemukakan dari Kertas 'Am yang umum, mengenai 'Teknik2 Penulisan Essay yang Baik'.

"UNDANG2 LAUT, SEMPADAN2 LAUT, DAN MASAALAH ILMU ALAM DAN EKONOMI YANG BERTALIAN DENGAN-NYA" ada-lah tajok perbinchangan "Kertas Am" yang bersifat ILMU ALAM, yang terkandong dalam Panduan Pelajar siaran 8hb Oktober, 1978, jam 4.30 petang.

Kapada penuntut2 Pre-U yang mengambil peperiksaan mata pelajaran 'ILMU ALAM' dan Kesusasteraan, jangan lupa untok mengikuti ranchangan tersebut pada tarikh2 dan waktu2 yang di-sebutkan.



**Sahabat-Ku,**

MALAM ini bulan purnama bersinar terang dan tentu-lah adek2 mendengar bunyi2 yang menakjubkan "whoop, whoop whoop" panggilan dari burong2 pungguk. Dan kemudian tentu-lah adek2 tertanya2 mengapa pungguk berhiba2 sa-tiap kali munchul-nya bulan purnama .........

Mereka menyatakan bahawa segala2-nya bermula pada zaman yang silam di-mana terjadi permusohan yang amat sangat di-antara dua buah Kerajaan dibumi dan di-kayangan di-mana membawa kapada penjelmaan sa-orang puteri jelita menjadi burong pungguk ......... Saksikan-lah kesah sa-lanjut-nya dalam cherita dongeng ini yang bertajok "Mengapa Pungguk Rindukan Bulan" yang akan saya sampaikan minggu ini dalam "AL-KESAH........"

**Yang benar,**
**Si-Pencherita**

## Dokumentari: Whic

SAKSIKAN-LAH Alan Whicker dalam lawatannya ka-negeri yang ka-49 di-Amerika yang kaya dan terpenchil—Alaska. Keluasan Alaska ia-lah satu perlima dari Amerika Sharikat, tetapi mempunyai bilangan pendudok hanya 400,000 orang sahaja. Sa-tengah daripada pendudok2-nya menetap di-Anchorage, pada masa ini merupakan salah sa-buah ibu pejabat yang begitu maju dengan projek kejuruteraan persendirian yang paling mahal dan menjadi bahan perdebatan dalam sejarah manusia — ia-itu Trans Alaska Pipeline yang bernilai B$20,000 juta, membawa minyak ka-pelabohan Pasifik yang tidak ditenggelami oleh ayer batu ia-itu Valdez. Besi paip ini ada-lah sa-panjang 800 batu yang menyeberangi gunong ganang, sungai2 dan zon2 gunong berapi. Ia telah meletup di-lima buah tempat, dan dalam satu letupan telah mengambil nyawa sa-orang lelaki, menchederakan lima orang dan menyebabkan kerugian berjuta2 ringgit — tetapi minyak itu terus mengalir jua.

Keadaan2 penghidupan di-sini amat-lah perit sekali. Dalam musim sejok purata darjah suhu ada-lah -60°F dan jika angin bertiup suhu-nya

menjac
jok sek
berjala
ada-lal
kan ac
menolc
yang g
gup m
Pel
hadapi
kejadia
perang
negeri
Merek
segena
tang2.
utara
dengar
lait2
beruar
yang s
oleh p
Ra
Selasa



CLIFF Richard dan Lauri Peters dalam "SummerHolida
gambar hari Sabtu minggu ini.

## "SUMMER HOLIDAY" Tayangan gambar malam

PENYANYI terkemuka Cliff Richard memegang peranan utama dalam filem muzikal ini mengesahkan tentang empat orang mekanik bas yang berjaya memujok London Transport untok meminjamkan kapada mereka bas dua tingkat yang di-ubah menjadi rumah bergerak untok satu perjalanan menuju ka-Selatan France. Jika mereka tidak menghadapi apa2 halangan besar, mereka akan menubohkan satu sharikat "buat sendiri" untok orang2 yang berchuti.

Dalam perjalanan ka-Paris, mereka telah berlanggar dengan sa-buah kereta lama yang di-pandu oleh tiga orang penyanyi wanita yang jelita. Ka-empat2 mereka bersetuju untok membawa mereka ka-Athens di-mana mereka akan mengadakan satu persembahan nyanyian. Di-Paris, sa-orang gadis lagi memasoki kumpulan ini; sa-orang penyanyi antarabangsa yang mengembara dengan menyamar diri untok menjauhkan diri-nya dari ibu yang terlalu gilakan kemashoran dan sa-orang ejen yang tamak.

Walaupun menghadapi rintanga
perjalanan, kumpulan ini selama
Athens penoh dengan berbagai ke
ping terjadi-nya ikatan mesra sa-
antara mereka dan terdapat sa-ba
lagu2 hit termasok "The Next Ti
chelor Boy".

## Pontianak Gua

KAPADA peminat2 filem Me
akan dapat menyaksikan cher
anak Gua Musang dan filem ini
terakhir Cathay Keris yang di-s
Mulai 12hb Oktober, 1978,
menayangkan filem2 Melayu
Brothers dan kapada peminat

# S.A.S. AKAN MENEMUI ADEK2 SEMULA

RANCHANGAN Sayang Adekku Sayang akan menemui adek2 semula mulai 6hb Oktober ini. Dalam ranchangan siri kedua ini adek2 akan dapat menyaksikan beberapa ranchangan menarek dan antara kandongan siri yang pertama ini adek2 akan dapat mengikuti saperti Kuiz, Berita Adek2, Silap Mata, cherita dan ranchangan baru ia-itu JIRAN KU dan BUAH2AN TEMPATAN.

Ranchangan ini akan memperkenalkan dua orang juruachara baru, kalau adek2 hendak mahu tahu siapa-kah kakak adek2 itu sila-lah ikuti ranchangan ini.

JIRAN KU ada-lah satu ranchangan yang menggambarkan kanak2 puak2 yang terdapat di-dalam negeri kita ini. Dalam ranchangan pertama ini akan kami perkenalkan puak Kedayan, kami akan memperlihatkan bagaimana keadaan kanak2 puak Kedayan dalam menempoh hidup mereka hari2 di-zaman dulukala.

Pada adek2 yang ingin mengetahui buah rambutan lebeh dekat lagi sila-lah ikuti dalam ruangan buah2 tempatan.

Dalam ranchangan ini juga adek2 akan dapat bersama Abang Ahad yang mana dia akan memperlihatkan silap mata-nya, manakala kakak adek2 yang baru pula akan menyuroh adek2 membuat seberapa banyak perkataan dari huruf2 dari satu perkataan ia-itu dalam ruangan Kuiz.

Kapada adek2 yang ingin mengikuti ruangan bercherita, sila-lah bersama Abang Ahad yang mana dia akan bercherita, cherita yang bertajok GEMALA NAGA. Jangan lupa adek2 untok menunton ranchangan ini pada 6hb Oktober 1978 jam 6.00 petang.



## World

00°F! Chuacha begitu se-
jentera2 terbesar di-biarkan
malam — dan malam-nya
bulan. Gaji yang di-beri-
a B$4000 sa-minggu untok
lam menghadapi keadaan2
% dari mereka yang sang-
ada-lah kaum wanita.
ikan sahaja terpaksa meng-
: ini tetapi juga pelindong2
maseh melawan dalam pe-
ı pahit ka-atas eksploitasi
engan hutan belantara ini.
ıpaya mereka mengumpul
: melindongi nyawa bina-
ngejar beruang2 khutub
melintasi ayer batu Arctic
n belajar bagaimana sate-
u perjuangan hidup bagi
Tentu-nya dokumentari
ini patut sekali di-tuntoni
n.
an dapat di-ikuti pada hari
am.

## *Show of The Week – 9.00 malam ini*

TAYANGAN minggu ini "Julie and Dick in Covent Garden" mengemukakan bintang2 terkenal Julie Andrews dan Dick Van Dyke. Kedua2 mereka merupakan penghibor2 terkemuka dan dalam pertunjokan kali ini mereka berdua akan mempersembahkan satu pertunjokan muzik yang berlainan sekali.

Awda penonton akan di-bawa ka-Drury Lane, sa-buah daerah di-London yang terkenal dengan tempat yang bernama Covent Garden, sa-buah pasar buah2an dan sayor2an, dan panggong2-nya.

Carl Reiner tetamu undangan khas filem ini berlakun sa-bagai hantu yang termashor di-Drury Lane. Pertunjokan ini di-mulakan oleh Julie dengan memperkenalkan Dick ka-Covent Garden, salah sa-buah tempat yang paling sebok di-England, terutama sekali di-awal pagi ketika buah2an dan sayor2an tiba untok di-jual.




GAMBAR kanan menunjokkan satu pemandangan dari Covent Garden dalam SHOW OF THE WEEK minggu ini, bersama2 Julie Andrews dan Dick Van Dyke.



Anita Sarawak

SA-ORANG penyanyi yang popular waktu ini dan menjadi rebutan kelab2 malam di-mana2 sahaja ia-nya berada, Anita Sarawak telah lama mencheborkan diri dalam dunia hiboran dan gaya-nya yang tersendiri dengan suara-nya yang merdu, telah dapat membawakan lagu2 merdu dari bentok sentimental hingga-lah ka-lagu2 ranchak dalam berbagai bahasa.

Kapada peminat2 Anita Sarawak, sekali lagi akan berpeluang menekmati lagu2 nyanyian-nya dalam ranchangan Pusparama kiriman dari Radio Talivishen Singapura. Ranchangan ini akan dapat Awda ikuti pada hari Ahad 8hb Oktober jam 8.30 malam.

## -Filem Melayu minggu ini

yang di-tayangkan di-panggong2 wayang dalam tahun2 50an dahulu. Oleh yang demikian kapada penchinta seni lakun layar perak jangan lupa untok menyaksikan filem Shaw Brothers 'DEWI MURNI' pada 12hb Oktober, 1978 nanti.

'DEWI MURNI' di-bintangi oleh seniwati jelita Kasma Booty dan Osman Gumanti.



## Kebun Kita

KEBUN Kita siri yang ke-29 akan mengutarakan tanaman pokok buah CHIKU yang tidak begitu terkenal di-negeri kita, di-sebabkan kurang minat dan tidak pandai makan buah ini. Awda penonton akan dapat menyaksikan chara2 melakom (marcotting) untok pembiakan pokok ini dengan chepat dan chara2 memeram.

Di-samping itu, siri ranchangan ini akan menunjokkan chara2 berkebun untok menghiasi halaman rumah dengan tanaman pokok2 bunga, semoga kawasan2 negeri Brunei yang sedang membangun, akan kelihatan lebeh berseri dengan tanaman2 hiasan halaman.

# SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; **8.00—Sain** dan perusahaan (SU); 8.30—Chitra Irama; 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30—Autograph pendengar. **T/HARI :** 12.00 — Tahu kah awda **(SU)** — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00—Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.15—Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa: 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI :** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari, — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita: 1.00—Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan avat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM :** 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban: 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI : 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Dendang Suria; 8.00—Untok kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30—Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00—Permainan gambus (SU); 12.30—Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsong dari Masjid Omar Aii Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) —Azan untok fardhu Asar; 4.00—Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong ria; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### APA PILEHAN AWDA

**PEMINAT2 ranchangan hiboran Apa Pilehan Awda minggu ini akan dapat mengikuti lagu2 pilehan Dayang Hazizah binte Awang Majid, yang beralamat G.18/44B, Lorong 4, Seria.**

**Dalam ranchangan yang akan di-siarkan pada hari Jumaat 6hb Oktober itu, Dayang Hazizah akan memileh tujoh buah lagu kegemaran-nya. Ranchangan ini akan dapat awda ikuti saperti biasa ia-itu jam 9.00 pagi.**

## SABTU

PAGI : 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI :** 12.00—Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentry Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Buloh Perindu; 6.15—Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.30—Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI : 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00—Majallah Radio; 8.30—Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30—Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI :** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG :** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untok fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untok farhdu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Suara parajurit — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 —Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI : 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran Sambil Sarapan; 8.00—Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandong irama. **T/HARI :** 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15—Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untok Pendengar; 9.00 — Untok kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI : 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan dibachakan; 6.05—Bachaan ayat2 suchi Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10—Renongan bersama; 7.15—Hiboran sambil sarapan; 8.00—Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30—Rampaian London (SU); 9.45—Hiboran Pilehan; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Senandong ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/ meninjau sambil lalu; 11.30 — Pusparagam; **T/HARI :** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untok fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untok Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG :** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02—Harian Radio; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Persembahan Aneka Instrumental — Azan untok fardhu Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM :** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untok fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban: 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandong Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandong malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON :** 12.00 — The Young Sound with Tajul Ahmad. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Word; 8.30 — Midweek Greeting by Ja'afar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Date-line; 10.00 Jazz Club — hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. **NOON :** 12.00 — My Word (repeat). **PM :** 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper, Economic Planning; 9.00 — What's Wrong with me, Doctor? by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening with Sheikh Abbas; 10.30 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — The General Paper (repeat). **NOON :** 12.00 Our Brunei. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Our Local Entertainers produced by Sheikh Abbas; 8.30 — "Cloud of Witness" Episode 7 "The Barometer Falls" by Dorothy L. Sayers; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15 — News; 9.30 — Does the team think; 10.00—Tales of mystery and Imagination "The Amah"; 10.30—Close Down.

**The General Paper Programme 7 — Thursday, 5th October, 1978. Title : "Economic Planning" at 8.00 p.m.-9.00 p.m. (evening).**

**Repeat Broadcast of Prog. 7 — Friday 6th October, 1978 at 11.00 a.m.-12.00 noon (day time).**

**The General Paper Programme 8 — Sunday 8th October, 1978. Title : "Economics — Part 2" — 11.30 a.m.-12.30 p.m. (day time).**

**Repeat Broadcast of Programme 8 — Monday 9th October, 1978 at 8.00 p.m.-9.00 p.m. (evening).**

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — From Our Local Entertainer (repeat); 11.30 — Women's World produced by Evelyn Samuel. **NOON :** 12.00 — Forum—by Vivianti Ali; 12.30 — News; 12.45 — "Doors To Opportunity" by Jaafar Yaakub (repeat); 1.00 —Close Down. 8.00—Opening Announcement —Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — The General Paper (Programme 8). PM : **12.30** — News; 12.45 — Hot Question Cool Replies — produced by Nafisah Haji Ali; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Musical Diary by Nafisah Haji Ali; 8.30 — Sixth Form Calling with Tajul Ahmad; 9.00 — Your World; 9.15—News; 9.30 — "The Soldier's Table by Igor Staavinsky; 10.30 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and songs for your listening pleasure. **NOON :** 12.00—Sixth Form Calling (repeat). **P.M. :** 12.30 — News; 12.45 — What Fascinates Me by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The General Paper (repeat); 8.15 — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 9.00 — Hot Question Cool Replies (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Doors To Opportunity by Jaafar Yaakub; 9.45 — Theatre Forty-Five 'Under The Loofah Tree' by Giles Cooper; 10.30 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — BBC Sport Magazine. **NOON:** 12.00 — Two of the Pops. **PM :** 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with me, Doctor (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "Steve Hillage" Side 1; 8.30 — It's All Yours; 9.00 — Ticket, Tape and Telephone; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Melody Time; 10.30 — Close Down.



# KDB WASPADA DI-LANCHAR P'KHIDMATAN-NYA

KAPAL peronda Pasokan Angkatan Laut Pertama AMDB yang baru sampai ka-negeri ini minggu lalu KDB WASPADA telah di-lancharkan perkhidmatan-nya kelmarin, 3hb Oktober oleh Datin Hajjah Zahrah bte Hj Idris di-pengkalan angkatan itu di-Muara.

Upachara pelancharan yang berlangsong di-sa-belah pagi itu menandakan bermula-nya KDB Waspada memberikan khidmat ka-atas pengawalan keselamatan perayeran di-negeri ini.

KDB Waspada yang merupakan salah sa-buah dari tiga buah yang sa-jenis-nya telah di-beli oleh Pasokan Angkatan Laut Pertama AMDB dan telah di-lancharkan dari pembenaan-nya oleh Datin Hajjah Zahrah di-Singapura pada bulan April, 1977.

Manakala dua buah yang lain KDB PEJUANG telah di-lancharkan oleh Datin Saidah, isteri Pegawai Pemerentah Battalion Pertama, YB Pehin OK Seri Dewa Lt Kol Dato Seri Pahlawan Mohammad pada bulan Mei yang baru lalu dan KDB SETRIA telah di-lancharkan pada 22hb Jun lepas oleh Datin Zubaidah, isteri YAM Pengiran Sanggamara Diraja Lt Col Pg Ibnu.

PEGAWAI Pemerentah Angkatan Laut Pertama Lt Kol David Right meniti titian (gambar atas) ketika hendak menyaksikan dan melihat2 keadaan bahagian dalam kapal KDB Waspada sa-baik2 sahaja ia-nya merapat di-dermaga Angkatan Laut Pertama. Manakala gambar bawah KDB Waspada ketika mula sampai di-hadapan dermaga Angkatan Laut Pertama.




## Pasokan Renang AMDB pulang dgn kejayaan

PASOKAN Renang AMDB yang mengandongi rombongan sa-ramai 17 orang ka-Hong Kong minggu lalu telah pulang ka-negeri ini dengan kejayaan.

Mereka yang di-ketuai oleh PW MacKay, jurulateh renang pasokan itu telah berada di-Hong Kong untok mengambil bahagian dalam Peraduan Renang Angkatan Bersenjata British yang di-adakan sa-lama tiga hari.

Mereka telah berjaya mempertahankan kejayaan yang telah di-chapai tahun lalu dalam mana 10 dari 20 achara pertandingan telah di-ambil bahagian oleh pasokan itu.

Peraduan itu telah turut di-ambil bahagian oleh enam buah unit Angkatan Bersenjata British yang berpengkalan di-Hong Kong termasok Angkatan Laut dan Udara.




## LATEHAN TENTERA AMDB

REKRUT pengambilan ke-45, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang akan menamatkan latehan mereka pada 6hb Oktober ini telah menjalani latehan tentera di-kawasan Pulau Muara Besar, Muara, pada 19hb hingga 22hb September yang baru lalu.

Kelihatan dalam gambar kiri sa-bahagian dari rekrut2 tersebut sedang melakukan rondaan di-kawasan latehan itu.

